



## SIARAN MEDIA

### **'PELAKSANAAN PROJEK RAKYAT ATASI KEMELUT BEKALAN AIR DI BAHAGIAN SAMARAHAN'**

Kemelut bekalan air yang sering dialami oleh penduduk Bahagian Samarahan selama ini akan diselesaikan melalui pelaksanaan Projek Rakyat Bekalan Air dari Kota Samarahan ke Sebuyau siap sepenuhnya menjelang tahun 2021.

Inisiatif Kerajaan Sarawak melalui Kementerian Utiliti Sarawak dan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) ini akan memberi impak signifikan kepada lebih 85,000 penduduk di kawasan Asajaya, Sadong Jaya, Sebangon, Sebuyau dan Simunjan.

Sebelum pelaksanaan Projek Rakyat bagi Bahagian Samarahan, sumber bekalan air telah dibekalkan melalui Lembaga Air Kuching (LAK) dari Entingan Reservoir dan disalurkan menggunakan paip yang merentasi Sungai Batang Samarahan untuk menyalurkan air terawat kepada kawasan Asajaya dan Sadong Jaya. Walaubagaimanapun, kebocoran paip yang kerap berlaku menyebabkan bekalan air ke kawasan Asajaya dan Sadong Jaya tejejas.

Bagi memastikan penduduk-penduduk di Bahagian Samarahan ini menikmati bekalan air bersih yang lebih baik dan berterusan, YAB Ketua Menteri Sarawak telah meluluskan 21 Projek Rakyat Bekalan Air yang bernilai lebih kurang RM 450 juta. Projek Rakyat berimpak besar ini melibatkan kerja-kerja pembinaan saluran paip baharu, pembinaan Tangki Aras Tinggi, pembinaan stesen pam penggalak, serta kerja-kerja penaiktarafan loji rawatan air dan dilaksanakan pada 2 peringkat iaitu *intervention projects* dan projek untuk pelan jangka panjang (*long term projects*) untuk mewujudkan Sistem Grid Bekalan Air yang lebih bersepadu. Daripada 21 jumlah

projek ini, 12 projek telah siap, 7 projek dalam fasa pembinaan dan 1 projek sedang dalam penilaian tender and 1 projek akan ditender tidak lama lagi.

Projek-projek yang telah siap dilaksanakan pada masa ini telah menyelesaikan isu bekalan air di beberapa kawasan di Asajaya dan Sadong Jaya yang sebelum ini sering mengalami gangguan bekalan air bersih.

**Sorotan Lawatan YAB Ketua Menteri ke Tapak Projek Rakyat Bekalan Air Bahagian Samarahan:**

**1. Saluran Paip dari Simpang Summer Mall ke Stesen Pam Penggalak Tambirat Sepanjang 14.7km (Pakej 1C)**

Sebelum Projek Rakyat Bekalan Air Pakej 1C, penduduk-penduduk di Kampung Senageh sering kali mengalami ketiadaan bekalan air. Keadaan ini amat menyukarkan kehidupan seharian penduduk-penduduk Kampung Senageh. Setelah pembinaan saluran paip sepanjang 14.7KM dari Simpang Summer Mall melalui Jambatan Batang Samarahan ke Stesen Pam Penggalak Tambirat siap dilaksanakan pada bulan Mac 2020, penduduk-penduduk di kampung tersebut kini menikmati bekalan air yang baik dan berterusan.

Kawasan-kawasan lain di kawasan Asajaya dan Sadong Jaya seperti Tanjung Kelaso dan Kampung Putin yang sebelum ini tidak mendapat bekalan air yang baik, kini mampu menarik nafas lega apabila kawasan tersebut mendapat bekalan air yang lebih baik dan berterusan.

**2. Stesen Pam Penggalak Sungai Buluh (Pakej 2A)**

Projek Pakej 2A ini sedang dalam proses pembinaan Stesen Pam Penggalak yang baharu di Sungai Buluh. Projek dijangka siap akhir tahun ini, namun demikian, projek ini mengalami sedikit kelewatan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diumumkan oleh pihak Kerajaan. Apabila projek ini siap sepenuhnya, ia akan menjadi tunjang utama untuk membekalkan air ke kawasan Sebangan, Sebuyau dan Simunjan.


### **3. Pembinaan Saluran baharu di Jambatan Batang Sadong (Pakej 3A)**

Pembinaan saluran paip yang baharu ini amat penting untuk menyelesaikan kemelut isu bekalan air bersih dan terawat di kawasan Sg. Ladong yang selama ini tidak mendapat bekalan air. Apabila projek yang dijangka siap pada tahun 2021 ini, penduduk di kawasan Sg. Ladong akan menikmati bekalan air bersih dan terawat.

### **4. Tangki Aras Tinggi Sebangan (Pakej 3B)**

Untuk memastikan bekalan air sentiasa mencukupi dan untuk menambahbaik tekanan bekalan air di kawasan Sebangan, pembinaan Tangki Aras Tinggi yang baharu juga telah dirancang. Projek ini akan menyelesaikan masalah bekalan air yang sering terganggu di kawasan Sebangan. Pembinaan Tangki ini dijadualkan siap pada pertengahan tahun 2021.

**Di bawah adalah peta keseluruhan Projek Bekalan Air di Bahagian Samarahan:**



-TAMAT-

**JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK**